

SEKS, ROKOK DAN PEREMPUAN LIAR



Apakah wanita akan setaraf lelaki jika merokok?

ROKOK dan seks merupakan dua keseronokan yang sering kali membuai gadis remaja dan wanita muda. Keputusan kajian di seluruh negara oleh Kementerian Belia dan Sukan pada Januari 1994 ke atas 5,860 remaja menunjukkan terdapat 71 peratus daripada mereka merokok, 40 peratus menonton video lucah, 28 peratus berjudi, 25 peratus minum arak dan 14 peratus mengambil dadah.

Tabiat merokok di kalangan wanita dan gadis di negara ini jelas menunjukkan peningkatan berganda iaitu meningkat daripada 4.8 peratus pada tahun 1996 kepada lapan peratus pada tahun 1999. Ketua Penolong Pengarah, Unit Kawalan Kanser dan Tembakau, Kementerian Kesihatan, Dr. Zarihan Zain baru-baru ini berkata, keadaan itu berlaku kerana golongan wanita dan gadis terbahit percaya dengan merokok, taraf mereka sama dengan lelaki.

Bagaimanapun fenomena itu bukan merupakan gerakan perjuangan gender. Sebaliknya, menurut Ketua Jabatan Sosio Budaya Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Prof. Madya Zainal Abidin Borhan, tabiat itu disebabkan oleh perubahan nilai masyarakat yang merupakan salah satu imej kehidupan moden, bukan hanya di Malaysia, tetapi



Seks selalu dikaitkan dengan perempuan murahan.

juga dunia. Katanya, imej merokok di kalangan wanita moden telah lama wujud selaras dengan kemunculan pusat-pusat hiburan seperti kabaret dan pentas-pentas joget sejak awal tahun 1940-an.

"Imej wanita negara ini sebagai perokok juga telah wujud dalam masyarakat tradisional atau pertanian. Mereka

Budaya ekstrem wanita moden mencacatkan kemuliaan mereka sendiri

menghisap rokok daun dengan menggunakan tembakau yang ditanam sendiri. Tapi mereka hisap secara tertutup dalam lingkungan mereka sahaja. Keadaan berbeza dalam kehidupan hari ini kerana nilai masyarakat telah berubah dan golongan wanita bebas menghisap secara terbuka," katanya.

Seks sebelum berkahwin hakikatnya satu lagi budaya ekstrem wanita moden. Ia bukan saja berlaku di Malaysia tetapi di seluruh dunia. Tahun lepas, kajian selama tiga tahun mulai Julai 1999 oleh sebuah organisasi sosial di Indonesia mendapati 97.05 peratus daripada 1,660 pelajar wanita di institusi pengajian tinggi di Yogyakarta yang ditemu bual kehilangan dara semasa mengikuti pengajian. Lembaga Pengajian Cinta dan Kemanusiaan serta Pusat Pelatihan Bisnis dan Humaniora mendapati semua responden yang diambil secara rawak daripada 16 institusi pengajian tinggi awam dan swasta di kota pelajar itu melakukan hubungan seks tanpa paksaan.

Isu-isu sosial di Malaysia yang berkait dengan remaja kedua-dua jantina sentiasa berubah selari dengan peredaran zaman. Perhimpunan golongan hipi di Woodstock, Amerika Syarikat sekitar tahun 1968 menjadi titik mula pergolakan sosial remaja di Malaysia. Ketika itu, pengikut budaya hipi dan penagihan dadah agak sinonim. Tahun 1970-an remaja-remaja Malaysia termasuk wanita terus dibayangi masalah dadah. Pada awal tahun 1980-an, gejala sosial remaja menjadi semakin teruk dikatakan akibat kemeltesan ekonomi dunia yang menyebabkan ramai yang menganggur. Kesannya, ramai remaja melepak di kompleks belibelah sambil mendengar lagu irama rock dan berimej punk, trojan serta mohican. Budaya ini menjadi kegilaan remaja pada masa itu sebagai langkah melarikan diri daripada realiti hidup.

Pada pertengahan 1980-an, sewaktu berlaku migrasi besar-besaran golongan muda dari kawasan luar bandar ke ban-



dar untuk bekerja dalam sektor industri, tercetus pula masalah bohsia dan bohjan atau kegiatan seks bebas di kalangan remaja. Akibatnya, masalah pembuangan bayi terus menjadi masalah besar pada dekad berikutnya. Remaja yang pada peringkat umur terlalu muda dan terlanjur mengambil jalan mudah menyelesaikan masalah malu dan takut mereka dengan membuang anak sendiri di tempat pelupusan sampah, sungai, semak, kawasan pembinaan dan sebagainya. Namun sehingga pertengahan 1990-an fenomena kegiatan seks bebas dan pembuangan bayi masih berlarutan. Dalam tahun 1991-1996, sejumlah 278 kes pembuangan bayi telah direkodkan.

Bagaimanapun sejak pertengahan 1990-an kegiatan seks bebas telah diganti pula dengan aktiviti pelacuran bawah umur. Selain itu, penagihan dadah berbentuk pil psikotik atau pil khayal seperti ecstasy dan syabu mula merebak. Pemberian seks secara percuma oleh gadis-gadis remaja yang bergelar bohsia melalui pergaulan bebas tidak lagi begitu berleluasa "memandangkan kepesatan pembangunan ekonomi negara menunjukkan mereka menghargai kehidupan melalui gaya hidup yang lebih mewah." Seks bebas yang bertujuan untuk keseronokan bertukar menjadi perkhidmatan seks berbayar. Pada tahun 1993-1994, terdapat lebih kurang 43,000-142,000 orang pelacur berada di Malaysia. Di Kuala Lumpur sahaja, jumlah pelacur dianggarkan seramai 8,000-10,000 orang. Kebanyakan mereka terdiri daripada pelacur wanita dan cuma sebahagian kecil golongan maknyah.

Pada tahun 1960-an dan sebelumnya, masyarakat dunia moden hanya menganggap isu pelacuran sebagai satu bentuk keruntuhan moral yang dilakukan oleh sekelompok wanita devian yang menjual kehormatan diri secara rambang untuk memperoleh wang. Menurut Lukman Z. Mohamad dari Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Universiti Kebangsaan Malaysia, di Malaysia sebelum pertengahan tahun 1980-an, aktiviti pelacuran hanya diceburi oleh golongan wanita yang berumur sekitar 21 tahun ke atas hingga pertengahan 10 tahun sahaja.

"Namun selepas 1980-an sehingga sekarang pembentukan 'pasukan pelapis' pelacur remaja didapati berlaku dengan mendadak hingga menimbulkan pelbagai tanda tanya," kata beliau dalam buku *Keluarga, Gender dan Cabaran Sosial di Malaysia*. □